

Bahagian A

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. (25)

1. Kegiatan ceti haram atau along terus berleluasa kerana faktor yang saling berkaitan. Tidak keterlaluan jika kegiatan ini dibiarkan boleh membawa implikasi buruk. Bincangkan.
2. Tahun melawat Malaysia 2007 merupakan salah satu cara untuk menarik minat pelancong-pelancong. Jelaskan.

Bahagian B

Pilih **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 250 hingga 300 patah perkataan. (25)

3. Baru-baru ini kejadian gelombang banjir pertama dan kedua yang melanda negeri Johor telah meninggalkan kesan terhadap manusia dan alam sekitar. Bincangkan.
4. Bioteknologi memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor perubatan masa kini. Namun begitu, pada masa yang sama ia turut memainkan peranan yang penting dalam bidang yang lain. Jelaskan.

Peperiksaan Setara 1 6 Atas 900/2

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah

SULIT*

MODUL KERTAS 2

PANITIA PENGAJIAN AM DAERAH JOHOR BAHRU

SET4

Bahagian C

Jawab **dua** soalan sahaja dalam bahagian ini. Satu daripada soalan 5 dan satu daripada soalan 6. (20 markah)

5 (a) “Penyelidik dari negara maju mendapat galakan dan sokongan sepenuhnya daripada dasar awam dan swasta di negara mereka. Oleh itu hasrat kerajaan Malaysia untuk membawa pulang 30,000 warganegaranya yang berkhidmat di pusat penyelidikan dan institusi lain di negara maju perlu disokong dengan insentif terbaik. Seseorang penyelidik di Oxford layak menerima 60% royalti bersih bagi projek penyelidikan dan pembangunan yang dikomersilkan oleh industri dan bank-bank di negara Perancis memberi pinjaman tanpa faedah kepada perusahaan kecil dan sederhana yang mengkomersilkan hasil penyelidikan dan pembangunannya.”

(Dipetik dan diubahsuai daripada Berita Harian, Mei 2005)

(i) Apakah cara terbaik untuk menarik penyelidik dari Malaysia yang berkhidmat di luar negara kembali berkhidmat di Malaysia?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, terangkan kelebihan penyelidik Malaysia balik berkhidmat di Malaysia.

ATAU

5(b) ” Isu keganasan psikologikal terhadap kanak-kanak dipinggirkan kerana ramai yang menganggap keganasan hanyalah sesuatu yang dapat dilihat seperti penderaan fizikal dan seksual. Sebenarnya keganasan psikologikal adalah antara cabang keganasan yang perlu kita beri perhatian kerana kesannya sepanjang hayat dan paling penting ia berlaku setiap hari tanpa kita sedari.”

(Dipetik dan diubahsuai daripada Berita Harian, Julai 2005)

(i) Mengapakah masyarakat perlu memberi perhatian terhadap isu keganasan psikologikal?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan apakah punca-punca berlakunya keganasan psikologikal?

6(a) "Sistem pembedahan Da Vinci atau pembedahan Robotic adalah gabungan teknologi robotik terkini, teknologi komputer tercanggih selain kepakaran pakar perubatan. Menerusi pembedahan robot, jahitan rumit dan halus yang gagal dibuat menerusi "open surgery" boleh dibuat dengan sempurna, memendekkan tempoh pesakit untuk sembuh, menjimatkan masa pembedahan kepada separuh dan mengurangkan masalah pendarahan dan tidak membabitkan pemindahan darah."

(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana 'Doktor Robotik' segmen Dimensi , Berita Harian, Februari 2007)

(i) Apakah keistimewaan pembedahan robotik?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, cadangkan cara pembedahan robotik dapat dikembangkan dalam bidang perubatan pada masa kini.

ATAU

6(b) "... Ozon adalah sejenis gas di lapisan stratosfera melingkungi bumi pada jarak 10 hingga 30 kilometer. Ozon merangkumi tiga unsur oksigen yang menjadi pelindung bagi menghalang pancaran radiasi ultra lembayung matahari daripada sampai ke permukaan bumi..."

(Dipetik dan diubahsuai daripada Dewan Siswa Februari 2005)

(i) Apakah fungsi ozon?

(ii) Dengan menggunakan tidak lebih daripada 50 patah perkataan, nyatakan kesan pancaran ultralembayung kepada manusia dan alam.

Bahagian D

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.

7. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan aliran keseluruhan saman yang dipungut daripada pelbagai sumber kesalahan lalulintas dari tahun 2000 hingga 2004.

Isu kemalangan jalan raya semakin menjadi topik hangat terutama di musim-musim perayaan. Pelbagai mekanisma diguna untuk mengurangkan kemalangan maut berlaku, antaranya melalui Ops Sikap dimana pesalah lalu lintas dikenakan denda atau saman.

Pembonceng motorsikal mencatatkan pesalah lalu lintas kedua terbanyak dengan jumlah pungutan pada tahun 2000 sebanyak RM 58 550 manakala jumlah pungutan saman daripada kenderaan penumpang yang paling banyak menyumbang iaitu sebanyak RM 196 990 dan pada tahun 2001 sebanyak RM 205 709, pungutan saman daripada kenderaan komersil juga bertambah sebanyak RM 1 386 pada tahun 2001 berbanding RM 47 850 pada tahun 2000.

Jumlah pungutan saman pada tahun 2001 ialah RM 361 190, meningkat sebanyak RM 13 089 berbanding tahun 2000 dan terus meningkat kepada RM 400 598 sebelum merosot sedikit pada tahun 2003 kepada RM 400 540 dan jumlah keseluruhan pungutan saman pada tahun 2004 adalah RM 360 981. Pihak berkuasa berjaya mengutip saman daripada pembonceng motorsikal sebanyak RM 64 479 pada tahun 2001 dan jumlah ini bertambah kepada RM 78 174 sebelum meningkat sedikit sebanyak RM 945 pada tahun 2003.

Kenderaan berat yang melakukan kesalahan lalulintas disaman dan kutipan pada tahun 2002 adalah sebanyak RM 29 966, jumlah yang dikutip pada tahun 2001 adalah RM 26 770, lebih rendah berbanding nilai saman yang dikutip pada tahun 2000 iaitu RM 28 104. Kenderaan awam juga tidak terlepas daripada disaman dan pada tahun 2000 kutipan saman berjumlah RM 16 607 tetapi berkurangan kepada RM 14 996 sebelum meningkat sebanyak RM 449 kepada RM 15 445 pada tahun 2000. Kesemua kenderaan yang disaman menunjukkan jumlah yang tidak konsisten dan bagi kenderaan komersil, jumlah saman yang dipungut pada tahun 2002 bernilai RM 52 404 dan meningkat sedikit kepada RM 52 600 sebelum berkurangan sebanyak RM 4 378 kepada RM 48 222 pada tahun 2004.

Kenderaan berat menunjukkan jumlah pungutan yang terus merosot dari tahun 2002 hingga 2004 apabila jumlah yang dikutip pada tahun 2003 bernilai RM 27 747 dan menurun kepada RM 25 994 pada tahun 2004. Kenderaan penumpang adalah yang paling banyak disaman dengan mencatatkan pungutan bernilai RM224 609 pada tahun 2002. Kutipan saman terus meningkat sebanyak RM505 pada tahun 2003, tetapi kutipan saman pada tahun 2004 merosot dengan ketara kepada RM 200 792. Kutipan saman daripada pembonceng motorsikal pada tahun 2004 berjumlah RM 72 764 manakala kenderaan awam pula disaman sebanyak RM 13 209 pada tahun yang sama dan jumlah ini lebih rendah berbanding pungutan pada tahun 2003 iaitu sebanyak RM 15 960.

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada
Jabatan Perangkaan Polis, 2005.

Peperiksaan Setara 1 6 Atas 900/2

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah

SULIT*

8. Berdasarkan maklumat yang diberi dalam petikan di bawah, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan peratusan perubahan pelaburan yang diluluskan mengikut industri antara Februari – Ogos 2005 dan Februari – Ogos 2006.

Peranan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) semakin meluas dalam usaha memperkemas prosedur pentadbiran berhubung dengan pelaburan pada peringkat Persekutuan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2006, MIDA memberi kelulusan sebanyak 537 projek untuk sektor perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM 24 011 juta, iaitu pertambahan sebanyak RM 2 850 juta atau 13.5% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2005.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2006, industri makanan, minuman dan tembakau melabur sebanyak RM 586 juta berbanding RM 429 juta bagi tempoh yang sama pada 2005. Pelaburan dalam industri tekstil dan kulit pula berkurangan sebanyak RM 87 juta pada tujuh bulan pertama 2006 berbanding dengan jumlah RM 365 juta bagi tempoh yang sama pada 2005. Disamping itu, industri kayu, perabot dan kelengkapan juga mengurangkan pelaburan pada 2006. Industri ini melabur sebanyak RM 613 juta iaitu pengurangan sebanyak RM 328 juta berbanding tempoh masa yang sama pada tahun 2005.

Industri kimia dan keluaran kimia mencatatkan pertambahan pelaburan sebanyak 53.8% iaitu sejumlah RM 2 568 juta pada tujuh bulan pertama 2006 berbanding tempoh masa yang sama pada 2005 yang mencatatkan pelaburan sebanyak RM 1 670 juta. Pelaburan dalam industri petroleum dan arang batu turut meningkat sebanyak RM 387 juta dalam tujuh bulan pertama 2006 berbanding tempoh yang sama pada 2005 iaitu RM 4 730 juta. Sementara itu, industri getah dan plastik mencatatkan pelaburan RM 379 juta pada tujuh bulan pertama 2005 dan meningkat sebanyak RM 81 juta bagi tempoh masa yang sama pada tahun 2006.

Industri keluaran logam asas dan logam yang direka merupakan pelaburan yang tinggi dengan jumlah RM 5 321 juta atau 13.3% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tujuh bulan pertama 2006 manakala jumlah pada tempoh masa yang sama pada tahun 2005 ialah sebanyak RM 7 513 juta. Industri jentera dan kelengkapan pengangkutan mencatatkan pelaburan sebanyak RM 675 juta atau 1.5% daripada jumlah yang diluluskan bagi tempoh masa tujuh bulan pertama 2005 berbanding RM 599 juta bagi tempoh masa yang sama pada 2006. Bagi industri perisian dan perkakasan komputer, pelaburan pada tujuh bulan pertama 2005 bernilai RM 285 juta dan terus meningkat kepada RM 640 juta dalam tempoh masa 2006. Selain itu, industri telekomunikasi turut menerima kesan langsung sejajar dengan perkembangan ICT apabila tujuh bulan pertama tahun 2006 mencatat RM 875 juta berbanding RM 425 juta pada tujuh bulan pertama 2005.

Pelaburan dalam bidang farmasi juga mencatat peningkatan daripada sejumlah RM 84 juta kepada RM 190 juta pada tujuh bulan pertama 2006. Industri-industri lain pula melabur sebanyak RM 998 juta pada tujuh bulan pertama tahun 2006 dengan pengurangan nilai pelaburan sebanyak RM 829 juta bagi tempoh masa yang sama pada tahun 2005.

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Laporan
Ekonomi 2005/2006 Kementerian Kewangan
Malaysia.

Peperiksaan Setara 1 6 Atas 900/2

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah

SULIT*

